



TEKS UCAPAN

**TYT TUN DATO' SERI UTAMA AHMAD FUZI BIN HAJI ABDUL RAZAK
YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG
[CANSOLOR UNIVERSITI TENAGA NASIONAL (UNITEN)]**

**SEMPENA MAJLIS KONVOKESYEN KE-24 TAHUN 2022
(SESI PERTAMA) UNITEN**

**PADA 29 OKTOBER 2022 (SABTU) JAM 8:30 PAGI
DI DEWAN SERI SARJANA, UNIVERSITI TENAGA NASIONAL**

Bismillahirrahmanirrahim,

Alhamdulillahirabbil 'Alamin,

Wassalatu Wassalamu 'Ala Asyrafil Anbiya Iwal Mursalin,

Wa'ala Alihi Washabihi Ajma'in.

YBhg Academician Tan Sri Dr. Insinyur Ahmad Tajuddin bin Ali

Pro Canselor, Universiti Tenaga Nasional,

YBhg Dato' Indera Insinyur Baharin bin Din

Pro Canselor, Universiti Tenaga Nasional,

YBhg Tan Sri Dato' Dr. Lin See-Yan

Pro-Canselor Universiti Tenaga Nasional,

YBhg Profesor Emeritus Dato' Dr. Hassan bin Said

Pengerusi Lembaga Pengelola Universiti Tenaga Nasional,

YBhg Profesor Insinyur Dr. Noor Azuan bin Abu Osman

Naib Canselor Universiti Tenaga Nasional,

Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Universiti Tenaga Nasional,

Ahli-Ahli Lembaga Pengelola Universiti Tenaga Nasional,

Dif-Dif Kehormat,

Jemaah Pengurusan, Ahli-Ahli Senat, Barisan Akademik Universiti

Tenaga Nasional,

Para Graduan dan Ibu bapa,

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya panjatkan ke hadrat Allah SWT, kerana dengan izin dan kehendakNya jua, saya dapat hadir bersama-sama untuk menyempurnakan Majlis Konvokesyen Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) Kali Ke-24 Tahun 2022 pada pagi yang mulia ini.

2. Sebagai Canselor, saya amat bangga sekali dapat hadir bagi kali kedua di Majlis yang penuh sejarah lagi bermakna dan gemilang ini.

3. Majlis ini semestinya dinanti-nantikan sebagai catatan sejarah, khususnya kepada para graduan, ibu bapa dan keluarga. Pihak warga UNITEN patut berkongsi gembira melihat anak didik universiti ini berjaya menamatkan pengajian dan bakal memulakan langkah mengharungi kehidupan baru dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan negara.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

4. UNITEN yang kini berusia 25 tahun ini, kekal mempunyai misi yang amat besar bagi melahirkan modal insan tempatan dan antarabangsa yang berkepakaran tinggi dan berdaya saing.

5. Amat dibanggakan, UNITEN telah berjaya memperkasakan aspek-aspek pengajaran dan pembelajaran demi melahirkan pelajar yang holistik bagi menepati kehendak industri.

6. Sebagai sebuah universiti yang berteraskan tenaga, UNITEN telah berjaya menjadi pemangkin kepada pembangunan industri di Malaysia.

7. Inisiatif UNITEN memelopori bidang baru seperti tenaga lestari adalah amat wajar sekali, selari dengan dasar negara untuk melahir dan memajukan pembangunan ekonomi perindustrian moden.

8. Dalam hal ini penubuhan Pusat Tenaga Nasional (NEC) dijangka menjadi pusat kecemerlangan nasional bertaraf global bagi mendalami aspek peralihan tenaga, merangkumi isu perubahan iklim, pembangunan lestari dan sumber tenaga baru. NEC ini akan membentuk Kerangka Strategik Nasional bagi tenaga dengan sasaran Malaysia sebagai hab tenaga, selaras dengan National Energy Policy yang diumumkan oleh Kerajaan pada baru-baru ini. Para pemain industri tempatan dan antarabangsa akan berpeluang menjadi rakan strategik di NEC.

9. Saya yakin, melalui proses percambahan idea dan fikiran, peningkatan penyelidikan, serta kolaborasi di peringkat nasional dan antarabangsa banyak lagi inisiatif baru akan dapat diusahakan oleh pihak warga UNITEN sebagai menyambut cabaran dan perkembangan pendidikan nasional semasa.

Hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

10. Sebagaimana yang dialami oleh IPT- IPT lain, UNITEN turut diasak dengan pelbagai cabaran yang memberi impak besar kepada proses pengajaran dan pembelajaran di universiti.

11. Ini termasuk kemerosotan bilangan pelajar, kos pembangunan dan pengoperasian yang kian meningkat serta persaingan yang sengit. Saya yakin segala cabaran ini tidak akan mematahkan semangat warga UNITEN. Diiringi sokongan padu TNB dan pemegang taruh lain, saya percaya UNITEN akan terus berusaha untuk memastikan penyediaan prasarana dan ekosistem pembelajaran yang kondusif bagi memastikan setiap pelajar dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk berjaya.

12. Dalam hal ini saya memuji tindakan pihak TNB dan UNITEN bagi memastikan kesinambungan akses kepada pendidikan yang berkualiti dengan meneruskan pemberian sumbangan kewangan daripada Yayasan Canselor UNITEN (YCU), Tabung Amanah Zakat UNITEN (TAZU) dan Yayasan Tenaga Nasional (YTN), terutama kepada golongan yang memerlukan. Saya yakin tindakan ini akan membolehkan UNITEN terus berkembang, berdaya saing serta mempunyai kekuatan tersendiri sebagai sebuah institusi pengajian tinggi swasta yang terulung di Malaysia.

13. Di kesempatan ini, sukacita saya menggaris kejayaan konkrit yang telah dicapai oleh UNITEN bagi meletakkan universiti ini sebagai salah satu institusi utama di negara ini.

14. Pertama ialah pencapaian kebolehpasaran graduan atau employability rate UNITEN, iaitu pada tahap 94.5% bagi tahun 2021. Pencapaian ini adalah amat dibanggakan. Saya harap, bagi mengekalkan pencapaian sedemikian dan bagi menjaminkan graduan UNITEN terus menjadi rebutan majikan, gabungan kecemerlangan akademik dengan kemahiran insaniah akan terus diberi keutamaan oleh para pelajar universiti ini.

15. Kedua, kejayaan UNITEN melakar namanya di persada antarabangsa. Ini terbukti apabila dua (2) Agensi penarafan antarabangsa, Quacquarelli Symonds (QS), World University Rankings 2023 dan Times Higher Education (THE): Asia University Rankings 2022, masing-masing menyenaraikan UNITEN di kedudukan ke-701 hingga 750 di dunia dan ke-184 di Asia. Manakala dalam AppliedHE Private University Rankings pula, UNITEN disenaraikan di kedudukan ke-2 di ASEAN dan pertama di Malaysia.

16. Ketiga, antara perkara yang membanggakan UNITEN pada tahun ini, penyelidik UNITEN telah dinobatkan sebagai *Top 2%* saintis terbaik dunia sepertimana yang diumumkan oleh Stanford University dalam beberapa hari yang lepas.

17. Keempat, pengiktirafan yang diberikan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia kepada Institut Tenaga Lestari (ISE), salah sebuah pusat penyelidikan di UNITEN, sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi (HICoE) di Malaysia.

18. Kelima, di peringkat pelajar pula dan dalam konteks melahirkan graduan yang holistik, kejayaan seorang pelajar UNITEN dinobatkan sebagai pelajar terpentas di kalangan semua pelajar di Institut Pengajian Tinggi di SUKIPT 2022, yang diadakan pada bulan Ogos yang lalu.

19. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua warga UNITEN. Amanah dan bakti tuan-tuan dan puan-puan dalam menyediakan perkhidmatan cemerlang serta berkualiti adalah amat disanjung, dan saya menyeru agar segala khidmat sedemikian dapat diteruskan bagi membawa UNITEN ke tahap hadapan dalam meniti arus global pendidikan masa kini.

Hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

20. Majlis Konvokesyen kali ini bakal menyaksikan seramai 28 graduan menerima Ijazah PhD, 92 Ijazah Sarjana, 1,164 Ijazah Sarjana Muda dan 306 ijazah Diploma.

21. Jumlah ini telah menyumbang kepada kejayaan UNITEN melahirkan seramai 38,703 graduan sejak penubuhannya pada tahun 1997.

22. Bagi para graduan sekalian, ingatlah bahawa kejayaan anda adalah juga kejayaan UNITEN. Kegigihan, penat lelah dan susah payah yang anda lalui bagi menimba ilmu, kemahiran dan pengalaman di sepanjang pengajian di universiti ini akhirnya telah membuahkan hasil dan kejayaan yang diimpikan, sebagaimana disaksikan pada hari ini.

23. Ingatlah, ilmu yang anda miliki adalah satu amanah bagi membina kesejahteraan sejagat, sebagaimana yang dinyatakan dengan jelas dalam Misi dan Visi UNITEN.

24. Para graduan semua harus sedar, setinggi mana pun ilmu dicapai, sekiranya disalah guna sehingga membawa kerosakan kepada masyarakat, itu adalah satu pengkhianatan.

25. Saya yakin, dengan segala proses pembelajaran yang dilalui, termasuk pengalaman kampus transformatif yang disusun rapi, para graduan UNITEN kini mempunyai tahap integriti yang tinggi yang akan menjadi benteng kepada diri masing masing.

26. Kini anda semua secara rasmi bergelar graduan dan merupakan DUTA UNITEN.

27. Tetapi, jangan dilupa doa dan pengorbanan ayahanda, bonda serta ahli keluarga yang turut mengiringi perjalanan anda dalam menempa nama di persada ilmu. Ingatlah “sayang ayah menitip bahagia, kasih ibu membawa ke syurga!” Jasa mereka tidak terbalas dan tiada tolok bandingnya.

28. Jangan sesekali meninggi diri dengan segulung ijazah yang dicapai. Bak kata pepatah Melayu, “Ikutlah resmi padi, semakin berisi semakin tunduk”.

29. Di hari Konvokesyen UNITEN yang bersejarah ini, ingatlah bahawa hari ini merupakan titik permulaan bagi para graduan sekalian yang akan memasuki alam pekerjaan atau pun terus melanjutkan pengajian di peringkat tertinggi.

30. Apa pun pilihan anda, lakukanlah dengan sebaik mungkin dan persiapkanlah diri dari segi mental dan fizikal, kerana sebaik anda melangkah keluar dari UNITEN, cabaran yang menanti mungkin lebih hebat. Adalah wajar cabaran sedemikian di lihat dari perspektif yang positif dan sebagai pemangkin untuk anda terus berusaha dengan cemerlang dalam apa jua bidang.

31. Akhir kata, saya berpesan kepada semua graduan sekalian agar memanfaatkan ruang dan peluang yang telah diberikan agar terus mencipta kejayaan. Persiapkanlah diri dengan kehebatan ilmu di dada, demi berdepan realiti dunia luas yang pantas berubah.

32. Saya doakan semoga langkah seterusnya akan menemukan anda semua dengan pengalaman yang lebih mematangkan minda, memantapkan iman dan memperkukuhkan jati diri, tanpa mengenal erti putus asa, untuk melestari perjuangan yang bermula di universiti ini.

33. Gandakanlah usaha untuk memberi yang terbaik, bukan sahaja buat diri dan keluarga anda, bahkan demi agama, bangsa dan negara. Teruskanlah jaga nama baik UNITEN dan semoga anda akan meluangkan masa untuk bertandang semula sebagai Alumni UNITEN tercinta.

34. Kepada graduan sekalian, saya ucapkan tahniah dan syabas di atas kejayaan anda semua dan bagi semua warga UNITEN, sekali lagi, suatu kalung penghargaan di atas khidmat bakti anda bagi terus mengharumkan nama UNITEN sebagai universiti unggul dan ternama di Malaysia.

“Terbang tinggi si burung helang,
Berkicau kenari sambil berterbangan,
Graduan cemerlang UNITEN terbilang,
Anugerah diberi tanda kemerlangan.”

Sekian, terima kasih,

Wabillahitaufik Walhidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.